

# Majlis Daerah Kota Marudu juara Bola Tampar Lelaki Terbuka UMS 2019

UB 27.11.2019 19

**LABUAN:** Pasukan Majlis Daerah Kota Marudu (MDKM) mengungguli Karnival Sukan Konvo UMS 2019 Bola Tampar Lelaki Terbuka selepas menewaskan Amanjaya LD diperlawanan akhir dengan keputusan 2-0 (27 - 25, 25 - 18).

Manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh pasukan Bomba Sabah yang mengalahkan pasukan Tenang Is Good (TIG).

Dengan kejayaannya itu, Majlis Daerah Kota Marudu membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM1,500, piala, hamper dan medal.

Pasukan Amanjaya LD pula selaku naib johan menerima RM800, hamper dan medal.

Manakala tempat ketiga yang dimenangi pasukan Bomba Sabah meraih RM500, hamper dan medal.

Sebanyak 31 pasukan dari seluruh Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan U20 menyertai kejohanan tersebut yang berlangsung selama dua hari pada 23 dan

24 November lalu sempena Konvokesyen UMS Kali Ke-21 Tahun 2019.

Pusat Sukan Universiti Malaysia Sabah adalah penganjur utama karnival tersebut dan telah mendapat tajaan pakaian daripada jenama Elite.

Pengarah Pusat Sukan UMS, Ahmadi Nurdin menyampaikan hadiah kepada para pemenang Karnival Sukan Konvo UMS 2019 Bola Tampar Lelaki Terbuka.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua pasukan yang menyertai karnival tersebut dan berharap mereka akan terus menyokong pelbagai lagi acara sukan anjuran Pusat Sukan UMS pada masa hadapan.

“Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua AJK Penganjur Karnival Sukan Konvo UMS 2019 Bola Tampar Lelaki Terbuka dan penaja pakaian daripada jenama Elite,”katanya ketika ditemui selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang.



**BERSAMA PEMENANG:** Ahmadi Nurdin (berdiri dua kanan) bersama tiga pemenang utama dan AJK Penganjur Karnival Sukan Konvo UMS 2019 Bola Tampar Lelaki Terbuka.